

14/11/1999

Lebih separuh calon Gerakan muka baru

KUALA LUMPUR: Parti Gerakan akan mengumumkan senarai penuh lebih 50 peratus calon baru yang akan bertanding bagi kerusi Parlimen mewakili parti itu, Rabu depan.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik sehubungan itu meminta pengerusi Gerakan negeri mengemukakan senarai penuh cadangan calon kepada jawatankuasa pusat Gerakan, secepat mungkin.

Ini kerana Dr Lim akan mengemukakan senarai calon parti itu kepada Dr Mahathir, pada Selasa ini.

"Senarai (calon) akan dikeluarkan kepada media pada Rabu dan semua calon akan dipanggil pada masa itu," katanya selepas mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat parti, di sini, semalam.

Turut hadir dalam mesyuarat itu Timbalan Presiden, Datuk Kerk Choo Ting; Naib Presiden, Tan Sri Koh Tsu Koon dan Setiausaha Agung, Chiang Kwang Chye serta pemimpin tertinggi parti.

Dr Lim berkata, mesyuarat parti turut memutuskan untuk mencalonkan 50 peratus calon kerusi Parlimen dan 30 peratus kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), terdiri daripada muka baru.

Langkah itu selaras dengan prinsip parti untuk memberi ruang kepada calon baru dan membuktikan parti berusaha menyediakan pemimpin muda untuk menghadapi cabaran politik pada alaf baru.

Beliau bagaimanapun enggan mengulas lanjut ketika ditanya mengenai kemungkinan terdapat pemimpin tertinggi parti yang tidak akan disenaraikan sebagai calon.

Lim berkata, mesyuarat itu juga memutuskan untuk tidak menerima tawaran bertukar kerusi dengan parti komponen BN yang lain.

Mesyuarat parti komponen BN baru-baru ini memperuntukkan 10 kerusi Parlimen dan 27 DUN kepada Gerakan.

(END)